

0059

U B870 AAB
MAHATHIR - PILIHAN RAYA

GUA MUSANG, 29 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA BELIAU MAHU SEMUA PERSIAPAN MENGHADAPI PILIHAN RAYA, TERMASUK MENGESAN PENGUNDI YANG +HILANG+ DI KELANTAN DISELESAIKAN SEBELUM BELIAU MENETAPKAN TARIKH PILIHAN RAYA UMUM.

PERDANA MENTERI BERKATA, KEHILANGAN PENGUNDI BERLAKU DENGAN MELUAS DI BEBERAPA KAWASAN DI KELANTAN MANAKALA MASALAH MENENTUKAN CALON DI NEGERI-NEGERI JUGA WUJUD.

+SAYA HENDAK SUPAYA SEMUA KERJA INI DIBERESKAN, SELEPAS ITU SAYA BEBAS UNTUK BUAT KEPUTUSAN (TENTANG) BILA PILIHAN RAYA AKAN DIADAKAN,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MENGADAKAN PERJUMPAAN DENGAN MASYARAKAT ORANG ASLI DI SINI HARI INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR DAN ISTERI SEDANG DALAM LAWATAN DUA HARI KE KELANTAN SEJAK SEMALAM.

MALAM TADI, BELIAU TELAH BERMESYUARAT DENGAN SEMUA PEMIMPIN PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL (BN) DI NEGERI INI DAN MENGARAHKAN MEREKA MENGESAN PENGUNDI-PENGUNDI YANG HILANG DI KELANTAN DALAM TEMPOH SEBULAN INI.

KATANYA, ADA TEMPAT-TEMPAT DI NEGERI INI YANG MENGALAMI KEHILANGAN BESAR PENGUNDI TERMASUK SATU KAWASAN YANG KEHILANGAN SEHINGGA 4,000 ORANG PENGUNDI. -- LAGI

1334MST 29 09 90

0060

U B871 AAB
MAHATHIR - PILIHAN RAYA 2 GUA MUSANG

DITANYA BAGAIMANA PERKARA ITU BOLEH BERLAKU, DATUK SERI DR MAHATHIR YANGJUGA PENERUSI BN BERKATA, ADA ORANG YANG SENGAJA MENDAFTAR NAMA-NAMA PENGUNDI DENGAN TUJUAN-TUJUAN TERTENTU.

BELIAU BIMBANG MENGENAI NASIB PENGUNDI ITU KERANA MEREKA GAGAL DITEMUI SEKALI PUN NAMA MASING-MASING ADA DALAM DAFTAR PEMILIH.

+KITA TAHU ORANG INI ADA, KITA NAK CARI MEREKA YANG MUNGKIN MENGHILANGKAN DIRI,+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PERSIAPAN PILIHAN RAYA PARTI KOMPONEN BN DI KELANTAN BERJALAN LANCAR DAN MEREKA BERSEBIA MENGHADAPI PILIHAN RAYA.

MENURUT BELIAU, PERJUMPAANNYA DENGAN KETUA-KETUA PERHUBUNGAN UMNO NEGERI PADA MINGGU LEPAS MERUPAKAN PERBINCANGAN AWALAN MENGENAI PILIHAN RAYA DAN IANYA BELUM SELESAI.

MENGENAI PERJUMPAANNYA DENGAN BEBERAPA RESIDEN PARTI KOMPONEN BN PADA MINGGU INI, BELIAU BERKATA, PERTEMUAN ITU BERTUJUAN MENINJAU PERBIAPAN MASING-MASING.

KATANYA, PERBINCANGAN ITU BERKISAR KEPADA KESAN YANG MUNGKIN TIMBUL EKORAN PERMILIHAN CALON-CALON TERTENTU BAGI MENGHADAPI PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG. -- BERNAMA

1337MST 29 09 90